

Varsiti Futsal Zon Timur dijangka lebih mencabar

KOSMO 03/08/07 Pg.63

Oleh MANIRAH OTHMAN

manirah@kosmo.com.my

KEJOHANAN KOSMO! Varsiti Futsal bagi Zon Timur yang akan berlangsung di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada 10 dan 11 Ogos ini, bakal menyajikan satu kelainan dan lebih mencabar.

Jika saingan bagi Zon Utara yang diadakan di Universiti Utara Malaysia (UUM) bulan lalu berlangsung di dalam dewan, kali ini sebanyak 72 pasukan yang bertanding akan berentap di luar dewan.

Pegawai Belia dan Sukan UMT, Riduan Mohamed Arof mengakui, pemain tuan rumah turut merasa gusar menanti lawan yang akan beraksi di empat gelanggang tersebut.

"Kebanyakan pemain futsal sudah biasa bermain di dalam dewan tetapi kali ini, semua pasukan berpeluang untuk menang kerana pertandingan dijalankan di luar dewan."

"Saya percaya, kalau menang di UUM, Kedah, tidak semestinya pasukan yang sama boleh bermegah di sini kerana suasana dan cabarananya berbeza," katanya semalam.

Katanya, faktor cuaca akan turut menjadi cabaran utama yang menanti pemain kerana mereka yang

gagal bertahan dalam cuaca panas mungkin tidak dapat menunjukkan aksi terbaik.

"Lagi pula keadaan cuaca di Terengganu ketika ini sukar diramal kerana kadang-kadang panas dan mendung serta hujan," katanya.

Tambahnya, suasana perlawanan juga dijangka lebih meriah memandangkan lokasi empat gelanggang di Dataran Universiti itu merupakan tumpuan rama.

Sementara itu, tinjauan **KOSMO!** ke gelanggang yang terletak berdekatan bangunan perpustakaan serta pentadbiran itu semalam, mendapati pemain UMT sedang giat berlatih.

KOSMO! Varsiti Futsal mempertandingkan tiga kategori iaitu lelaki bawah 23 (48 pasukan), lelaki terbuka (12 pasukan) serta perempuan terbuka (12 pasukan).

Ia terbuka kepada pelajar pusat pengajian tinggi awam dan swasta, matrikulasi, politeknik, kolej komuniti dan kolej universiti yang menawarkan pelbagai hadiah lumayan.

Bagi pemenang kategori bawah 23, mereka akan membawa pulang RM3,000, pingat dan sijil manakala pemenang kategori lelaki dan wanita terbuka pula meraih RM1,500 berserta pingat dan sijil.



SEBAHAGIAN daripada pasukan yang menjalani latihan di Dataran Universiti menjelang Kejohanan **KOSMO!** Varsiti Futsal bagi Zon Timur minggu depan.